

Aktiviti amal penting atasi krisis manusia

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi
Wabarakaatuh

DENGAN izin Allah Subhanahu Wata'ala kita dapat berkumpul bersama dalam acara yang sangat penting hari ini, The Conference on Philanthropy for Humanitarian Aid 2017 (CONPHA 2017) dengan tema 'Philanthropy for Humanitarian Aid as a mechanism to alleviate poverty and maintain human dignity'.

Dunia hari ini menyaksikan pelbagai konflik dan bencana. Berjuta penduduk telah terbunuh, cedera dan diusir keluar dari kediaman mereka dan tidak terkira keluarga yang telah jatuh miskin dan menghadapi kesukaran setiap hari. Sistem kemanusiaan global telah menjadi semakin padat dengan krisis baharu dan konflik semasa yang tidak dapat diselesaikan di kebanyakan negara di seluruh dunia.

Statistik, ekonomi dan penyelidikan sosial dan pusat latihan untuk negara-negara Islam (SESERIC), Turki, melaporkan bahawa 33 konflik yang aktif berlaku pada tahun 2014, 95% daripadanya berlaku di negara-negara Islam. Ditambah dengan meningkatnya trend mendadak dalam kejadian bencana alam bagi tempoh empat dekad yang lalu, kita bukan sahaja melihat konflik krisis pencabulan hak asasi manusia terdedah seperti wanita dan kanak-kanak, tetapi kita juga menyaksikan mangsa-mangsa ini terdedah pada keadaan cuaca yang melampau dan kebuluran.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, lebih daripada 76 juta penduduk dari 31 negara memerlukan bantuan. Bilangan pelarian disebabkan oleh konflik adalah melebihi 51 juta - jumlah tertinggi selepas Perang Dunia Kedua. Dunia harus memberikan tindak balas terhadap perkara ini dan kita perlu memberikan komitmen kita dengan mengambil tanggungjawab sosial bagi membantu mereka.

Kemanusiaan adalah salah satu prinsip yang berteraskan Islam. Konsep amal adalah penting kepada keadilan sosial, yang merupakan nilai suci dalam Islam dan ia merupakan Rukun Iman. Perbuatan amal atau membantu seseorang dalam kesusahan adalah kewajipan bagi setiap Muslim.

Dalam Islam, amalan seperti zakat, wakaf dan sedekah mempunyai objektif yang berfungsi dalam mewujudkan keseimbangan dalam ketidaksamaan sosial serta mengurangkan kemiskinan.

Proaktif dalam berinisiatif dan aktiviti amal yang berterusan adalah penting sebagai kaedah untuk melawan krisis manusia bukan sahaja dalam negeri tetapi juga di peringkat global. Kita semua perlu bersatu dan bertindak cepat untuk mencapai matlamat yang sama bagi mengatasi krisis ini.

Melalui dasar penyelidikan, ekonomi dan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff semasa berucap pada Conference On Philanthropy For Humanitarian Aid (CONPHA) 2017 pada 23 Mei 2017 bertempat di Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Terjemahan dari teks asal
dalam bahasa Inggeris oleh
Hajah Apsah Haji Sahdan

kewangan Islam, kita perlulah bersedia lebih dari sebelumnya untuk menyelaraskan visi untuk menampung lebih banyak keperluan yang mendatang serta pembangunan mampan yang adil dan saksama. Oleh itu, pentingnya untuk kita mengenal pasti peranan dan kepentingan pembiayaan sosial secara Islamik dalam hal-hal bantuan kemanusiaan.

Institusi Pengajian Tinggi serta institusi kewangan memainkan peranan yang penting dan bertindak sebagai saluran untuk pelaksanaan program pendidikan serta meningkatkan pembiayaan bagi kerjasama ekonomi dan kewangan untuk mencapai semangat kedermawanan. Inisiatif yang diambil oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Kolej Universiti Antarabangsa Islam Selangor (KUIS) dan Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk mengadakan persidangan ini adalah satu langkah yang tepat. Kita juga tidak lupa peranan penting dalam penyelidikan yang boleh dilakukan oleh institusi akademik, untuk mengenal pasti program yang lebih mampan dan kos efektif untuk dibangunkan.

Adalah diharapkan melalui persidangan ini, berdasarkan kepada masa dan tema

yang dipilih adalah tepat, semangat dermawan untuk bantuan kemanusiaan boleh dipertingkatkan dengan merealisasikan keperluan pengukuhan semua mekanisme yang berkaitan serta boleh digunakan untuk menangani keperluan kemanusiaan.

Saya percaya melalui platform ini, ia akan memberi peluang kepada pengamal, cendekiawan dan pembiaya Islam untuk berkongsi idea mereka yang bernilai dan inovatif untuk mengurangkan krisis kemanusiaan yang melampau melalui pembentukan model dermawan yang lebih dinamik, relevan dan mematuhi syariah yang mengintegrasikan sistem zakat, wakaf dan sedekah di mana semua penderma berpotensi boleh mengambil bahagian dan orang ramai secara aktif boleh memainkan peranan mereka dan pada masa yang sama turut memberikan manfaat untuk agama dan rohani.

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, raja yang kita cintai dan amat pemeduliaan, kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk memupuk sifat kemanusiaan melalui pendekatan di seluruh negara, di mana usaha yang berterusan adalah bertujuan untuk membantu golongan yang terjejas dan kurang bernasib baik secara aktif dimulakan di negara ini oleh pelbagai lapisan masyarakat. Inisiatif dari pelbagai sektor ini bukan sahaja membantu mereka yang berada di Negara Brunei Darussalam tetapi juga membantu meningkatkan kehidupan orang-orang yang memerlukan bantuan di negara-negara lain.

Dalam konteks ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku agensi pelaksana sentiasa menyokong dalam menggalakkan budaya menderma bagi bantuan hal-hal kemanusiaan melalui aktiviti yang melibatkan penyertaan orang ramai dari peringkat individu hingga pihak kuasa tertinggi seperti bazar amal, larian amal dan dana kebajikan.

Setiap inisiatif dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada menjana sinergi antara-agensi, idea-idea dan program yang mencerminkan sifat sebenar dan objektif pendekatan ke seluruh negara.

Tahap penyertaan dalam kalangan rakyat Brunei dalam semua aktiviti-aktiviti kebajikan telah menunjukkan kemurahan hati rakyat Brunei dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik.

Ke muka 4

Dari Sidang
Pengarang.

12 JUN 2017 BERSAMAAN 1438 رمضان 17

NUZUL AL-QURAN SEJARAH ISLAM YANG UNGGUL

BULAN Ramadan yang mubarak, bulan diturunkan kitab suci Al-Quran, di mana di bulan ini kita mengisi dengan ibadat, khususnya dengan amalan membaca Al-Quran. Peristiwa turunnya Al-Quran pada bulan Ramadan adalah antara unsur-unsur yang menjadikan bulan Ramadan mempunyai kelebihan daripada bulan-bulan yang lain. Allah menetapkan demikian supaya manusia sentiasa mengingati betapa pentingnya berpegang teguh dengan ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran, bukan semata-mata membaca dan memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran tetapi terus mengambil inspirasi dari Al-Quran untuk diadikannya sebagai dasar dan asas panduan dalam menempuh kehidupan.

Untuk mengimarahkan Sambutan Nuzul Al-Quran dan mengembalikan kehebatan Al-Quran, kita selaku umat Islam perlu terus mengamalkan membaca Al-Quran kerana Al-Quran adalah panduan kepada umat manusia menjalani kehidupan di dunia dan akhirat. Lebih-lebih lagi Nuzul Al-Quran adalah 'sejarah besar' umat Islam yang memang sepatutnya sentiasa diraikan dan diingati.

Ya berteepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1438H / 2017M di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, kelmarin, 11 Jun 2017 yang antara lain menyanjikan agar Hari-Hari Kebesaran Islam seperti Nuzul Al-Quran disambut dan diperbesar kerana ia adalah sebahagian daripada sejarah Islam.

Titah baginda, Negara Brunei Darussalam telah sekian lama memulakan pembelajaran Al-Quran iaitu dari sistem tidak formal kepada sistem formal melalui sekolah-sekolah agama. Dengan itu, baginda menegaskan agar pelajaran agama dan Al-Quran tidak boleh dipandang ringan dengan sebelah mata sahaja. Ia mesti selama-lamanya unggul dan menyerlah, sesuai dengan tarafnya selaku umat Islam dan Kalam Allah.

Dengan yang demikian, selaku umat Islam kita dituntut menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup, kerana dengannya kita mampu menangkis segala apa jua cabaran.

Negara kita Brunei Darussalam adalah bumi Islam tulen yang memang terkenal dan akan terus kekal turun-temurun, sehingga ke akhir zaman sebagai bumi Islam yang sentiasa berpegang teguh dengan ajaran-ajaran Al-Quran, sebagaimana juga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat berpegang teguh dengannya dan bukan setakat menghafaz dan membacanya sahaja, tetapi juga memahami dan mengamalkan segala isi ajarannya.

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyanjikan agar pihak berkenaan di negara ini supaya berpandangan jauh, bertindak, berfikir secara profesional berkenaan dengan pendidikan agama, khususnya di bidang pembacaan Al-Quran, asal sahaja tidak bertentangan dengan dasar dan seumpamanya.

Dengan yang demikian adalah menjadi kewajipan kita selaku umat Islam terus berpandukan kepada petunjuk Al-Quran bagi meraih kegemilangan, dengan bangkit selaku generasi pembaca, di samping sekali gus menjadi pengamal ajaran Al-Quran, kerana di sinilah kekuatan Islam, yang terletak pada Al-Quran. Dan adalah menjadi tanggungjawab setiap kita untuk mempertahankan, memelihara dan menjaga keaslian Al-Quran melalui aktiviti penghafalan atau hafazan ayat-ayat suci Al-Quran.

Al-Quran adalah mukjizat yang kekal hingga kiamat kerana terdapat banyak kelebihan di dalamnya. Dari itu Al-Quran bukan sahaja untuk dibaca tetapi dihayati dan difahami. Dan di bulan Ramadan Mubarak inilah bulan yang paling sesuai untuk memperbanyakkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran kerana Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan pahala yang berlipat kali ganda bagi yang membaca dan menghayatinya.

Dengan yang demikian, sama-samalah kita meningkatkan keimanan dengan mengikut semua ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran bagi menjamin keselamatan kita di dunia dan lebih-lebih lagi di hari akhirat kelak.
- Ketua Penyuntingan (Zs).

Ramalan Cuaca 3 Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 26°C
32°C / 25°C	32°C / 26°C	32°C / 25°C
32°C / 25°C	32°C / 24°C	32°C / 24°C
32°C / 25°C	32°C / 24°C	32°C / 25°C
32°C / 25°C	33°C / 26°C	33°C / 25°C
32°C / 25°C	33°C / 26°C	33°C / 26°C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi	HARI	Hijrah	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
JUN		RAMADAN								
12	ISNIN	17	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
13	SELASA	18	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
14	RABU	19	4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.47	6.33	7.48
15	KHAMIS	20	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
16	JUMAAT	21	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
17	SABTU	22	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
18	AHAD	23	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK 123 | JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 2380214 | NDMC 2380214